

Persepsi Pelajar UITM Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris

Mohini Bt Mohamed & Saiful Azman Bin Mokhter
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Persepsi pelajar Universiti Teknologi Mara terhadap pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris mendapat perhatian penyelidik. Dalam konteks kajian ini, terdapat tiga sudut persepsi yang dikaji iaitu tentang tahap kesediaan, minat dan keyakinan pelajar dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran ini. Seramai 261 orang pelajar daripada Part 05 Session 2 2007 (Part 01 Session 1 2005) di empat buah fakulti dalam bidang sains dan teknologi telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen digunakan merupakan borang soal selidik. Data-data yang diperolehi dianalisa menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Ia mengandungi 39 item berbentuk soalan tertutup dan dua soalan terbuka. Nilai kebolehpercayaan alat kajian adalah $\alpha = 0.901$. Analisis statistik deskriptif dalam bentuk min, peratus dan penyusunan data telah digunakan dalam tatacara menganalisis data. Analisa inferensi menggunakan perbandingan min Ujian-T dan analisa varian (ANOVA) pada aras signifikan 0.05 untuk pengujian hipotesis. Secara keseluruhannya tahap kesediaan, minat dan keyakinan pelajar dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana.

Katakunci: pengajaran dan pembelajaran, sains dan matematik, Bahasa Inggeris

Pengenalan

Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai visi negara maju berteraskan kepada sains dan teknologi menjelang tahun 2020. Kerajaan berpendapat untuk mencapai Wawasan 2020, mata pelajaran sains dan matematik hendaklah diperkasakan supaya dapat menyokong pembangunan modal insan. Oleh itu, kebelakangan ini kurikulum sains dan matematik sedang mengalami perubahan yang drastik. Pada Januari 2003, kerajaan telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Perubahan polisi ini bertujuan untuk memastikan rakyat Malaysia sentiasa dapat mengikuti perkembangan saintifik dan teknologi dunia yang kebanyakannya dicatat dalam Bahasa Inggeris. Tindakan ini merupakan salah satu agenda kerajaan untuk melengkapkan bangsa Malaysia dengan persaingan globalisasi. Pada waktu yang sama, "revolusi ini dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk meningkatkan penggunaan dan seterusnya penguasaan mereka dalam Bahasa Inggeris (Ministry of Education, 2002a)". Perubahan ini adalah selari dengan pembelajaran Bahasa Inggeris yang menekankan input yang bermakna dan boleh difahami. Walaupun perubahan ini secara dasarnya dilihat sebagai sangat diperlukan dan tepat pada waktunya namun kesan daripada revolusi ini kepada pembelajaran sains dan matematik di dalam bilik darjah memerlukan satu kajian yang mendalam.

Pernyataan Masalah

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan keberkesanan PPSMI menerusi persepsi pelajar dari segi kesediaan pelajar dalam menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium pembelajaran, minat pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dengan seronok dan bersungguh-sungguh serta dari segi keyakinan pelajar bahawa mereka boleh mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dengan jaya.

Jika diamati kesemua pendekatan teliti yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran, sudah tentu masyarakat mengharapkan produk PPSMI menjadi generasi contoh dalam bidang sains dan teknologi. Produk yang terhasil daripada program PPSMI adalah generasi yang mempunyai semangat keilmuan dan semangat persaingan yang tinggi di era globalisasi, tidak bermasalah dari aspek perpaduan kaum dan integrasi nasional kesan daripada penggunaan satu bahasa.

Namun begitu, apa yang menjadi tanda tanya dan kekeliruan kita ialah mengapa masih ada komentar negatif dari pelbagai pihak tentang pelaksanaan PPSMI ini. Justeru itu, penyelidik memilih untuk menengahkan permasalahan ini agar dapat memahami kesan sebenar yang dialami oleh penerima polisi sama ada mereka berjaya mengasimilasi perubahan tersebut dengan berkesan atau sebaliknya serta mencadangkan penyelesaian bagi permasalahan yang mungkin wujud.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan adalah bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- 1 Mengenalpasti tahap kesediaan pelajar UiTM dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris
- 2 Mengenalpasti tahap minat pelajar UiTM dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris
- 3 Mengenalpasti tahap keyakinan pelajar UiTM dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris

Kepentingan kajian

Belum banyak kajian secara mendalam yang dibuat berkenaan dengan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan PPSMI di universiti-universiti. Justeru itu, kajian ini dibuat untuk :

- 1 Melihat keberkesanan pelaksanaan program yang dibuat sama ada telah mencapai objektif yang ditentukan oleh pelaksana dan kerajaan
- 2 Membantu pegawai-pegawai, pengurus-pengurus, pentadbir yang terbabit sama ada secara langsung ataupun tidak dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PPSMI
- 3 Diharapkan juga agar kajian ini dapat digunakan oleh penggubal atau perancang program untuk merangka dasar atau menambahbaikkan lagi program yang telah dilaksanakan
- 4 Memberi maklumat yang berguna kepada kementerian, jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan, NGO serta badan lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi membolehkan program-program yang dirancang dan diatur dapat mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan dan keberkesanan PPSMI
- 5 Sebagai garis panduan untuk kajian seterusnya dari segi masalah-masalah atau faktor lain
- 6 Mengetahui jenis-jenis keperluan dan tahap penerimaan pelajar terhadap sesuatu polisi baru yang boleh membantu dari segi pembentukan remaja yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Skop dan batasan kajian

Sasaran kajian adalah khusus kepada pelajar yang telah mengikuti PPSMI untuk mengkaji sama ada pelaksanaan PPSMI telah berjaya mencapai objektif pelaksanaannya dengan berkesan kepada peserta . Skop kajian lebih tertumpu kepada faktor kesediaan, minat dan keyakinan pelajar dalam PPSMI ini.

Responden yang terlibat adalah dari kalangan pelajar-pelajar tahun 3 ketika ini iaitu pelajar-pelajar *Part 05 Session 2 2007*, dari 4 fakulti yang berada bawah bidang sains dan teknologi sains di Universiti Teknologi MARA (UiTM) , Shah Alam sesiambilan *Part 01 Session 1 2005* . Fakulti yang terlibat adalah Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Fakulti Kejuruteraan, Pengawasan dan Perancangan dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi.

Fakulti-fakulti di bawah bidang sains dan teknologi sains ini dipilih kerana ia lebih menjurus kepada bidang sains dan teknologi, bersesuaian dengan intipati penyelidikan ini.

Responden dipilih dari kalangan pelajar *Part 05 Session 2 2007* (sesiambilan *Part 01 Session 1 2005*) kerana mereka merupakan pelajar sulung yang terlibat dengan PPSMI peringkat universiti, oleh itu mereka telah benar-benar memahami kesan pelaksanaan PPSMI terhadap mereka dan dapat memberikan persepsi yang lebih tepat.

Responden dipilih dari UiTM Shah Alam kerana ia mempunyai kepelbagaian latar belakang pelajar dari seluruh negara, oleh itu ia dapat mewakili populasi pelajar terlibat dengan PPSMI yang berasal dari seluruh negara .

Metodologi

Subjek Kajian

1 Populasi

Secara keseluruhannya terdapat 5 bidang pengajian dengan 17 buah fakulti yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris.

Berdasarkan kaedah pemilihan secara rawak kelompok atas kelompok, maka penyelidik memilih populasi responden daripada fakulti-fakulti yang berada di bawah bidang sains dan teknologi. Fakulti-fakulti di bawah bidang sains dan teknologi dipilih kerana fakulti-fakulti ini lebih banyak menjurus kepada bidang sains dan matematik serta lebih banyak terdedah dengan proses pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris , bersesuaian dengan intipati penyelidikan dijalankan.

Seterusnya populasi responden kajian adalah daripada kalangan pelajar-pelajar tahun 3 ketika ini iaitu pelajar-pelajar *Part 05 Session 2 2007*, dari 4 fakulti yang berada bawah bidang sains dan teknologi di Universiti Teknologi MARA (UiTM) , Shah Alam sesiambilan *Part 01 Session 1 2005* . Fakulti yang terlibat adalah Fakulti Sains Gunaan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Fakulti Kejuruteraan, Pengawasan dan Perancangan dan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi.

Populasi responden dipilih dari kalangan pelajar *Part 05 Session 2 2007* (sesiambilan *Part 01 Session 1 2005*) kerana mereka merupakan pelajar sulung yang terlibat dengan PPSMI peringkat universiti, oleh itu mereka telah benar-benar memahami kesan pelaksanaan PPSMI terhadap mereka dan dapat memberikan persepsi yang lebih tepat.

Data awal berkenaan jumlah populasi kajian adalah diperolehi daripada laman web UiTM, walau bagaimana pun data terkini adalah diperolehi melalui pembantu penyelidik daripada personel berkeelayakan yang berada di UiTM .

2 Sampel kajian

Persampelan merupakan pengambilan sebahagian pecahan dari suatu populasi atau jujuk penuh sebagai mewakili populasi atau jujuk itu (Kerlinger,1973).Menurut Krejcie dan Morgan (1970), tatacara untuk menentukan persampelan yang betul.

Pemilihan sampel secara pengelasan dilakukan kelompok atas kelompok mengikut bidang, fakulti , kursus,sesi pengajian dan jantina. Responden lelaki dan responden perempuan dipilih secara rawak dari setiap fakulti.

Instrumen kajian

Penyelidik telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan data maklumat tentang menilai keberkesanan pelaksanaan program PPSMI. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan satu set soal selidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar *Part 05 Session 2 2007* , UiTM untuk mendapatkan maklum balas. Soal selidik yang diedarkan adalah berbentuk soalan tertutup yang direka mengikut dimensi-dimensi yang terdapat dalam model Kirkpatrick.

Mengikut Mohd Najib Konting (1994), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta kepercayaan dan perasaan dalam penyelidikan. Pemilihan soal selidik jenis tertutup sebagai instrumen kajian dapat:

- i. mengagihkan dengan cepat, mudah dan meliputi kawasan yang luas
- ii. menjimatkan kos dan masa serta senang dikendalikan
- iii. dapat mengurangkan bias penghitung dan boleh membandingkan jawapan responden.

Menurut Sulaiman Ngah Razali (2002), soal selidik merupakan satu cara paling mudah untuk memperoleh maklumat dan mempunyai beberapa kebaikan dibandingkan dengan cara-cara lain dalam usaha mendapatkan maklumat kuantitatif. Menurut Wolf (1988), beberapa andaian perlu dilakukan ke atas penggunaan soal selidik iaitu:

- i. Responden dapat membaca dan memahami item-item dalam soal selidik.
- ii. Responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik.
- iii. Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik

Penggunaan soal selidik tertutup amat baik kerana ia tidak memerlukan subjek berfikir atau melahirkan idea-idea yang baru terhadap sesuatu soalan (Kerlinger,1964). Soal selidik mempunyai kekuatan dalam menjalankan kajian iaitu :

- i. mudah untuk memanipulasi dan mengkategorikan data untuk dianalisis
- ii. mengurus dan mentadbir data dengan mudah dan berkesan
- iii. mudah untuk membuat generalisasi

Instrumen soal selidik dibentuk berdasarkan kepada pembacaan penyelidik dan kesesuaian dengan objektif kajian. Selain itu, penyelidik juga mendapat pandangan daripada pensyarah pembimbing. Instrumen yang telah siap dibentuk akan diberikan kepada responden dan untuk mendapatkan maklumat.

Soal selidik yang telah dibentuk ini ditadbir untuk mengumpul data yang diperlukan bagi mendalami persoalan kajian yang ingin diketahui melibatkan aspek berikut :

Seksyen I : Bahagian A.

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan maklumat diri pelajar. Ia bertujuan untuk mendapatkan latar belakang subjek kajian. Antara perkara-perkara yang dimuatkan untuk mendapatkan data peribadi subjek adalah jantina, bangsa, pencapaian MUET.

Seksyen II:

Seksyen ini terdiri daripada 3 bahagian berdasarkan tiga faktor yang dikaji dalam penyelidikan ini. Setiap faktor mempunyai 12 soalan yang perlu dijawab oleh responden. Faktor-faktor yang dipilih untuk tujuan penyelidikan ialah :-

- B. Faktor kesediaan,
- C. Faktor minat,
- D. Faktor keyakinan

Item-item dalam Seksyen II bertujuan untuk mengumpul data berkenaan persepsi pelajar tentang keberkesanan bagi setiap faktor. Untuk memudahkan responden membuat persepsi keberkesanan bagi setiap faktor, penyelidik menggunakan pemeringkatan skala likert seperti berikut:

- 1 - Sangat tidak setuju
- 2 - Tidak setuju
- 3 - Tidak pasti
- 4 - Setuju
- 5 - Sangat setuju

Kajian Rintis

Satu kajian rintis dijalankan bagi mendapatkan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian . 10 orang pelajar UiTM yang terlibat dengan program PPSMI dipilih secara rawak untuk tujuan ini.

Kebolehpercayaan dan Kesahan Kajian

Ujian kesahihan dan kebolehpercayaan penting untuk mengukur kebolehan instrumen yang digunakan. Kebolehpercayaan ialah ketepatan dan kestabilan mata atau markah dari skala pengukuran (Davis dan Cosenza , 1993). Menurut Sekaran (1992), semakin hampir nilai alpha kepada 1.0, maka semakin tinggi kebolehpercayaan dalamannya. Nilai Alpha yang kurang dari 0.60 dianggap lemah, 0.60 hingga 0.79 boleh diterima manakala 0.80 ke atas dianggap sebagai baik. Kebolehpercayaan jawapan responden daripada kajian rintis yang diperolehi ialah pada 0.673 . Keseluruhan koefisien Alpha item soalan menunjukkan lebih dari 0.60. Ini bererti kebolehpercayaan alat ujian adalah pada aras sederhana dan boleh digunakan untuk kajian lanjut.

Keputusan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor kesediaan, minat dan keyakinan pelajar terhadap pelaksanaan PPSMI secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang sederhana sahaja. Kajian juga telah dapat mendedahkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai tahap kemahiran Bahasa Inggeris yang sederhana berdasarkan pencapaian MUET yang berada pada band 3 dan band 4. Berdasarkan analisa statistik, didapati pelajar perempuan lebih mempunyai minat yang tinggi dalam mengikuti PPSMI tetapi kurang berkeyakinan berbanding lelaki.

Secara keseluruhannya didapati bahawa status bangsa tidak membezakan tahap keyakinan, minat dan kesediaan pelajar dengan ketara, ini berdasarkan dapatan yang menunjukkan majoriti semua bangsa, sama ada bangsa Melayu atau bukan Melayu mempunyai tahap keyakinan, minat dan kesediaan yang sederhana sahaja.

Secara amnya didapati pelajar dengan pencapaian MUET yang tinggi mempunyai tahap kesediaan, minat dan keyakinan yang lebih berbanding pelajar lain dalam mengikuti pelaksanaan program PPSMI ini.

Analisa perhubungan pula mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kesediaan dengan jantina, pencapaian MUET pelajar dan dengan bangsa pelajar. Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor minat dengan pencapaian MUET pelajar tetapi tidak dengan jantina dan bangsa pelajar. Terdapat juga perbezaan yang signifikan antara faktor keyakinan dengan bangsa dan pencapaian MUET pelajar tetapi tidak dengan jantina pelajar.

Perbincangan

Kajian menunjukkan, bahawa faktor kesediaan, minat dan keyakinan pelajar terhadap pelaksanaan PPSMI secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang sederhana. Hasil ini adalah sumbangan majoriti responden yang mempunyai tahap keyakinan, minat dan kesediaan yang sederhana sahaja seperti mana yang tertera dalam jadual 4.6, jadual 4.11 dan jadual 4.16 sebelum ini. Hasil ini adalah bertepatan dengan hasil kajian oleh pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Nor Hashimah Jalaluddin (2004) yang menyatakan tentang ketidak-sediaan pelajar belajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Didapati kesan pengajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris terhadap pencapaian pelajar masih berada pada tahap yang sederhana (Farahasnida, 2004). Ini juga bertepatan dengan hasil yang diperolehi dalam kajian oleh DBP-UKM pada tahun 2004 tentang persepsi pelajar menunjukkan bahawa amat rendah tahap kesediaan pelajar untuk menerima pengajaran sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris. Tarmizi (2003) menyatakan pelajar tidak berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris disebabkan persekitaran yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya. Sehubungan itu Jumali (1992) mendapati untuk menguasai bahasa kedua ini, maka responden perlu diberi pendedahan yang meluas.

1 Analisa Kesediaan

Secara amnya majoriti pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap kesediaan yang sederhana. Didapati pelajar perempuan dan lelaki mempunyai tahap kesediaan yang moderate dalam mengikuti PPSMI. Majoriti pelajar Melayu dan bukan Melayu mempunyai tahap kesediaan yang sederhana.

Tahap minat yang sederhana telah menyebabkan pencapaian pelajar yang tidak memberangsangkan dalam pelajaran. Perkaitan ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Yen (2004) iaitu pelajar menghadapi banyak masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran akibat kesediaan pelajar yang kurang mencukupi.

Pelajar yang mempunyai pencapaian MUET secara sederhana dan ke bawah mempunyai tahap kesediaan yang sederhana, namun untuk pelajar yang mempunyai pencapaian tinggi, majoriti adalah mempunyai tahap kesediaan yang tinggi. Dapatan ini selari dengan Rosli, et.al (2005) dan Musa Mohamad (2002) yang menyatakan bahawa penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar adalah masih lemah dan keadaan ini perlu dipertingkatkan lagi. Pencapaian MUET ini secara tidak langsung turut disokong oleh dapatan Fassod (1999) yang menyatakan kurang daripada 10% rakyat Malaysia yang boleh menggunakan Bahasa Inggeris dengan baik untuk berkomunikasi dan menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik (Johari, et al, 2006).

Johari, et.al (2006) berpendapat bahawa pelajar menghadapi masalah dalam pembelajaran sains dan matematik akibat daripada tahap pemahaman yang amat rendah semasa pembelajaran dilaksanakan menggunakan medium Bahasa Inggeris. Aziz (2003) turut berpendapat kebanyakan pelajar tidak dapat mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris adalah disebabkan oleh penggunaan Bahasa Inggeris dan masalah untuk memahami Bahasa Inggeris itu sendiri. Pernyataan ini menjelaskan tentang dapatan penyelidikan daripada item terbuka iaitu pelajar berasakan Bahasa Inggeris dan sukutannya yang bertahap terlalu tinggi. Pelajar sebenarnya kurang mahir untuk berinteraksi dan berfikir dalam Bahasa Inggeris seperti mana yang tersirat daripada pencapaian MUET yang rendah oleh majoriti responden. Kenyataan ini juga dapat disokong oleh kajian Tarmizi (2003) menunjukkan pelajar yang tidak mempunyai asas Bahasa Inggeris yang baik sukar untuk memahami buku, bahan bacaan atau nota dalam Bahasa Inggeris. Aziz (2005) juga mendapati pelajar tidak memahami kandungan buku disebabkan penggunaan Bahasa Inggeris yang dianggap menggunakan laras tinggi. .

Analisa juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor pencapaian MUET pelajar dan bangsa pelajar. Ini menggambarkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas nyata dari segi kesiediaan antara pelajar dengan mempunyai pencapaian MUET yang sederhana ke bawah dengan pencapaian tinggi serta antara bangsa Melayu dan bukan Melayu.

2 Analisa Minat

Adnan (1986) menyatakan bahawa minat berperanan utama dalam pembelajaran, George Will (1990) pula mendapati pencapaian baik pelajar dalam matematik akibat daripada minat yang tinggi terhadap pelajaran. Hasil dapatan menunjukkan majoriti pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap minat yang sederhana. Dalam konteks ini pelajar perempuan lebih mempunyai minat mengikuti PPSMI. Majoriti pelajar dari semua bangsa didapati mempunyai tahap minat yang sederhana dalam mengikuti PPSMI berkemungkinan akibat daripada penggunaan bahasa yang berbeza daripada bahasa ibunda masing-masing. Dapatan juga menunjukkan bahawa masyarakat kurang mengambil berat tentang Bahasa Inggeris sehingga mempengaruhi minat para pelajar seperti mana menurut Taib (1998), penggunaan Bahasa Inggeris di Malaysia hanya tertumpu kepada golongan atasan sahaja. Pelajar dengan pencapaian MUET yang tinggi mempunyai tahap minat yang tinggi. Situasi ini menjelaskan mengapa para pelajar masih dapat terus mengharungi pelaksanaan PPSMI sehingga kini walaupun tidak dengan pencapaian yang cemerlang, pelajar masih mempunyai minat untuk mengikuti proses pembelajaran.

Analisa mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor minat dengan bangsa pelajar tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor minat dengan jantina dan pencapaian MUET pelajar. Ini menggambarkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas nyata dari segi minat diantara pelajar dengan berlainan jantina dan pencapaian MUET berbeza. Tahap minat antara bangsa pula tidak mempunyai perbezaan yang besar dan nyata.

3 Analisa Keyakinan

Majoriti kedua-dua jantina didapati mempunyai tahap keyakinan yang sederhana. Dalam faktor ini, pelajar lelaki lebih mempunyai keyakinan mengikuti PPSMI berbanding perempuan. Didapati bahawa pelajar dengan pencapaian MUET yang tinggi mempunyai tahap keyakinan yang tinggi.

Pengerusi Pertubuhan Jiao Zong iaitu Ong Chiow Chuen menyatakan bahawa bahasa asing boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran sains dan matematik. Seorang pakar pendidikan turut menyarankan bahawa kanak-kanak harus menggunakan bahasa ibunda untuk mencapai kejayaan dalam proses pembelajaran. Kedua-dua pernyataan ini telah terbukti benar kerana berdasarkan hasil kajian didalam jadual 4.18, majoriti pelajar Melayu dan bukan Melayu mempunyai tahap keyakinan yang sederhana sahaja. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh keyakinan yang rendah tentang kemampuan diri

mereka memahami Bahasa Inggeris dengan baik. Jumaat (2003) mendapati responden mengkehendaki proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan dwi-bahasa. Kajian Aziz (2005) mendapati majoriti responden tidak bersetuju belajar matematik dalam Bahasa Inggeris sebaliknya bersetuju sekiranya menggunakan bahasa Melayu. Ini menjelaskan lagi tentang keadaan pelajar yang tidak yakin menggunakan Bahasa Inggeris.

Analisa terhadap faktor keyakinan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor keyakinan dengan jantina tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor keyakinan dengan bangsa dan pencapaian MUET pelajar. Ini menggambarkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas nyata dari segi keyakinan diantara bangsa dan pencapaian MUET pelajar. Tahap keyakinan antara jantina pula tidak mempunyai perbezaan yang besar dan nyata.

Rumusan

Secara keseluruhannya didapati bahawa semakin baik pencapaian MUET pelajar, maka semakin ramai pelajar yang mempunyai kesediaan, minat dan keyakinan yang tinggi. Ini menunjukkan pencapaian MUET amat mempengaruhi tahap minat pelajar, ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh DBP-UKM (2004) menunjukkan penurunan prestasi dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam mata pelajaran sains, matematik, Bahasa Inggeris. Melalui kajian juga, telah dapat didedahkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai tahap kemahiran Bahasa Inggeris yang sederhana berdasarkan pencapaian MUET yang berada pada band 3 dan band 4. Rumusan ini telah dinyatakan sebelumnya oleh Hamidah, et. al (2002) yang mendapati pelajar-pelajar di beberapa institusi pengajian tinggi awam merasakan masih tidak mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris.

Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan penting untuk mencapai kejayaan dalam apa jua bidang (Maros, 2000; Nair-Venugopal 2001). Malah kecekapan dalam bahasa yang digunakan sebagai bahasa pengantar sesuatu ilmu itu menjadi penentu kepada kejayaan dalam ilmu tersebut (Lee 1983).

Hasil daripada soalan terbuka mendapati 7.7% responden menyatakan pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bentuk kuliah dan kurang penggunaan alat bantuan mengajar adalah kurang memberangsangkan. Sinari (2003) mendapati sesuatu pengajaran yang baik dan berkesan memerlukan pendidik yang pandai dan berkebolehan mempelbagaikan kaedah, teknik, pendekatan dan aktiviti. 9.9% responden pula mendapati pendidik kerap menggunakan Bahasa Inggeris yang tidak selaras, bercampur serta sebutan yang tidak jelas. Situasi ini menggambarkan bahawa pendidik tidak cukup bersedia untuk mengajar sains dan matematik. Situasi ini juga selaras dengan kajian yang dijalankan oleh DBP-UKM pada tahun 2004 di 242 buah sekolah menengah di seluruh negara yang menunjukkan bahawa pendidik tidak mempunyai kesediaan untuk mengajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris.

Rujukan

Abdul Rahim Bakar dan Awang Sariyan Ed. (2005). *Suara Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Adnan Khamis (1986). *Perhatian Sikap Pelajar dan Perkaitannya dengan Pencapaian Matematik*. *Jurnal Pendidikan*. **10 & 11**. 17-30

Asim Gunarwan (2001). *Kedudukan dan fungsi bahasa asing dalam era globalisasi*. *Dewan Bahasa* Januari 2001.

Asmah Hj Omar (1984). *Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asraf Ed. (1996). *Manifesto Budaya: Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Aziz Mahmood (2005). *Tinjauan Penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan Pendidik-pendidik Matematik: Satu kajian kes*. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan MPSM pada 21 Mac 2005, Besut. Tidak diterbitkan.
- Aziz Nordin (2003). *Peranan Bahasa Dalam Pembelajaran Kimia*. *Buletin Persatuan Pendidikan Sains dan Matematik Johor*. **12**(1),59-64.
- Aziz Nordin (2004). *Pandangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah Terhadap Pembelajaran Sains dalam Bahasa Inggeris*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pendidikan Pendidik 2004, anjuran UPSI. Allson Kelana, Seremban. Tidak diterbitkan.
- Aziz Nordin (2005). *Students Perception on Teaching Learning Math in English*. *Buletin Fakulti Pendidikan*. **14**(1),39-47
- Awang Sariyan (2000). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2002). *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balaetham, K. (1978). *Bahasa Inggeris di Sekolah Aliran Melayu: Sebab-sebab Kelemahan*. dlm Ibrahim Saad (pnyt). *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m.s 109115.
- BI tidak jejas pelajar-Keputusan PMR diumumkan hari ini buktikan pencapaian cemerlang*. (2005,22 Disember). Utusan Online, Capaian pada 13 Julai 2007 dari <http://www.idealismahasiswa.net>.
- Brown, H. Douglas (1987). *Principles of Language Learning and Teaching*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Brumfit, C.J. (1984). *The communicative approach to language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Cheah Tong Tiat, Ng Kok Fu, Tai Lay Keng (2004). *Sikap Pendidik Pelatih Terhadap Pengajaran Matematik Dalam Bahasa Inggeris*. *Jurnal Penyelidikan MPSAH*. **8**.
- Chitravelu, N. (1985). *The status and role of English in Malaysia*. *Laporan USIA*.
- Data Bukti Kegagalan ETeMS dan PPSMI* (2005). Laman Blog bebas. Capaian pada 31 Oktober 2007 dari <http://www.tranukite.net>
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1997). *Kamus Dewan. Edisi ke -3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dzulkifli b Harun. (2004). *Pandangan Pelajar Tingkatan 6 Rendah Terhadap Pengajaran Pendidik Mata Pelajaran Sains dan Matematik di dalam Bahasa Inggeris di Daerah Manjung: Satu Kajian Kes*. Tesis Sarjana Muda. Tidak diterbitkan. UTM.
- Ee Ah Meng (1997). *Psikologi Pendidikan 2*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Farahasnida Che Shariff (2004). *Persepsi Pendidik terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris*. UTM.tesis sarjana Muda.

Fasold R (1999). *Sociolinguistics of Society*. New York.Basil Blackwell Inc.

Gambrell,L.B (1996). *Creating Classroom Cultures That Foster Reading Motivation*. *The Reading Teacher*. **50**. 14 -25.

George Will (1990). *Cause of Poor Achievement in West African School Certificate in Mathematic*. *International Journal of Education*. **2**.

Gerakan mahu Sains, Matematik kembali diajar dalam bahasa ibunda. (2005,7 November). Malaysia Today capaian pada 14 Julai 2007. <http://www.Malaysia.today.net> .